



Majlis Belia Malaysia: *Quo vadis* transformasi era semasa

Haslinda Abdullah¹, Dzuhailmi Dahalan¹, Azimi Hamzah¹, Ismi Arif Ismail¹, Ezhar Tamam¹,
Abdul-Lateef Abdullah¹, Sarjit S. Gill¹, Nobaya Ahmad¹, Turiman Suandi¹

¹Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia, Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia

Correspondence: Dzuhailmi Dahalan (email: dzuhailmi@gmail.com)

Abstrak

Majlis Belia Malaysia (MBM) yang juga dikenali sebagai Majlis Belia Kebangsaan merupakan badan bukan kerajaan (NGO) yang suaranya diiktiraf bagi mewakili generasi belia di Malaysia. MBM dirangka agar dapat berfungsi sebagai sebuah badan induk pertumbuhan belia di peringkat kebangsaan dalam menyelaras semua pertumbuhan belia yang bergabung di bawahnya. Penubuhan MBM di bawah Peruntukan Akta Pertumbuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 bertujuan bagi menggalak dan mendorong pertumbuhan belia supaya memainkan peranan yang positif dan berkesan kepada masyarakat dan negara, merangsang dan mewujudkan perhubungan, kerjasama, persefahaman dan persahabatan antara pertumbuhan belia dengan belia yang seimbang dalam pelbagai bidang, dan memupuk sikap bertanggungjawab, patriotisme dan kesukarelawanan dalam kalangan pertumbuhan belia. Namun, apakah MBM pada saat ini telah menjelma dalam erti kata sebenar iaitu sebagai pemangkin pembangunan belia di Malaysia secara holistik? Menggunakan maklumat sekunder makalah ini bertujuan untuk membuat penilaian awal tentang status MBM dalam memainkan peranan seperti yang digalurkan. Apakah kehadiran MBM telah dirasai oleh generasi belia di Malaysia secara keseluruhan? Di dalam mendahulukan kepentingan belia di Malaysia, apakah “hubungan istimewa” MBM dengan generasi belia pada saat ini boleh dianggap melebihi “hubungan istimewa” dengan pihak ketiga sehingga MBM dianggap dekat di hati belia dan integritinya tidak dipersoalkan sama sekali? Penilaian awal ini menunjukkan bahawa MBM cenderung untuk terikat dengan perancangan bersifat dari atas ke bawah. Dalam perancangan seperti ini matlamat dan cara untuk mencapai sesuatu keputusan banyak ditentukan oleh pihak pemerintah. Lebih malang lagi, MBM dilihat tidak lebih daripada penyediaan gelanggang pendakian pemimpin politik yang bakal ditonjolkan pada masa hadapan. Justeru itu, makalah ini membuka ruang perbincangan tentang isu belia dari sudut yang pelbagai demi membina keupayaan generasi tersebut pada masa hadapan.

Katakunci: Majlis Belia Malaysia (MBM), pembangunan belia, peranan belia, perancangan dari atas ke bawah, pemimpin politik, relevansi MBM

Malaysia Youth Council: *Quo vadis* transformation in the contemporary era

Abstract

Malaysia Youth Council (MBM) which is also known as National Youth Council is a non-governmental organization (NGO) accredited to represent voice of youth generation in Malaysia. MBM functions as a parent body of youth organisation at national level. MBM establishment is under the enactment of Youth Organization and Development Act 2007 and it is aimed to boost and motivate youth organizations to play positive and effective role towards society and country, stimulate and create relationship, cooperation, understanding and brotherhood among youth organizations and youth who are balanced in various fields, and nurture responsibility attitude, patriotism and volunteerism among youth organizations. However, does MBM at this moment have transformed in true sense as Malaysian youth development catalyst holistically? Using secondary information the present article aims at

conducting a preliminary assessment on the status of MBM in performing the above functions. Does MBM presence being felt by youth in Malaysia completely? In prioritizing the concern of youth in Malaysia, does “the special relationship” with MBM and youth generation nowadays could be regarded exceeding “special relationship” with the third party thus MBM considered to be near youth heart and its integrity is unquestionable? Through observation, MBM is viewed as more restricted to the top-down planning, whereby according to Asnarulkhadi (2009), it is a usual practice in this kind of planning that the objectives and medium to achieve decision mostly determined by the leaders. Most unfortunate, there are several pessimistic opinions that see MBM no more than a stepping stone to political leader that will be highlighted in the future. Hence, this article provides space for discussion on issue raised from various perspectives without involvement of personal interest apart from empowering Malaysian youth in near future.

Keywords: Malaysia Youth Council (MBM), political leaders, relevancy of MBM, the role of youth, top-down planning, youth development

Pengenalan

Golongan belia adalah penduduk yang berumur dalam lingkungan umur 15 hingga 40 tahun. Di Malaysia belia merupakan majoriti penduduk negara. Kedudukannya dalam konteks pembangunan negara cukup penting. Namun, belia di negara ini masih belum cukup berubah. Oleh itu institusi seperti Majlis Belia Malaysia (MBM) cukup kritikal. *Quo Vadis* (perkataan Latin yang bermaksud ke mana arah masa hadapan) belia di Malaysia kelihatan kabur. Hala tuju pertubuhan yang mendokong pembangunannya perlu diperiksa. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk membuat penilaian awal tentang status pertubuhan belia di Malaysia, khususnya MBM. Bagi tujuan tersebut, maklumat dari pelbagai sumber rasmi sekunder digunakan. Penilaian awal ini perlu untuk membuka laluan bagi pelaksanaan suatu kajian yang lebih komprehensif pada masa akan datang.

Penerusan agenda membangunkan negara perlu melibatkan belia sebagai rakan kongsi dan ini diakui oleh semua pihak termasuk pucuk pimpinan negara, Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Najib Tun Abd Razak. Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan pada tahun 2008 daripada 27.7 juta penduduk Malaysia, seramai 11.26 juta orang (40.6%) adalah kumpulan belia. Pada tahun 2010 jumlah belia di Malaysia dianggarkan meningkat kepada 11.65 juta (40.2%). Asnarulkhadi (2009) menyatakan, secara demografi belia adalah individu yang berada dalam lingkungan umur 15 hingga 40 tahun. Kumpulan penduduk ini amat signifikan dari segi angka dan jika diterjemahkan kepada sumber tenaga, belia berpengaruh secara positif kepada pembentukan negara sama ada dari aspek politik (pengundi), sosial (perpaduan) dan ekonomi (modal insan). Berdasarkan angka serta fungsi penting belia seperti yang dinyatakan di atas tidak dapat tidak, generasi belia di Malaysia mesti maju sebagai belia *homo intelligence* iaitu generasi era pasca moden berpengetahuan, mempunyai imej peribadi yang tinggi, pandai menggunakan ilmu untuk kemajuan hidup serta dapat menyumbang kepada kemajuan masyarakat dan negara (Jalaluddin, 2009). Oleh itu, aktiviti pembangunan belia perlu reaktif kepada keperluan belia, memberi tumpuan kepada penyerlahan potensi (Azimi, 2005) supaya semua hasrat murni yang dicita-citakan negara terhadap generasi ini dapat dijayakan.

Isu yang berkaitan dengan belia perlu difahami secara tuntas. Mengelak daripada berbincang mengenainya akan hanya merugikan negara pada masa akan datang. Belia yang tidak menyumbang kepada negara, bukan sahaja merugikan diri belia itu sendiri tetapi juga negara secara keseluruhannya. Oleh itu, isu tentang belia di Malaysia perlu diselidiki dan pembangunannya dirancang. Falsafah pembangunan belia bukan sahaja perlu jelas dari segi dasarnya tetapi juga perlu diterjemahkan di dalam setiap polisi serta program yang dilaksanakan. Ini kerana, matlamat pembangunan belia positif sukar dicapai jika falsafah yang cuba ditonjolkan samar dan tidak jelas.

Delgado (2002) menyatakan pembangunan belia positif bertujuan mengenal pasti keperluan belia dan membina kompetensi yang relevan ke arah melahirkan generasi dewasa yang berjaya. Berbanding pendekatan yang hanya melihat belia sebagai golongan yang bermasalah, pendekatan pembangunan belia

positif sebaliknya melihat golongan ini sebagai sumber dan dibina berasaskan kekuatan serta kemampuan yang mereka miliki, dibangunkan dalam komuniti mereka sendiri.

Pembangunan belia adalah satu proses dan bukan *event* (Samsudin, 2007). Kekeliruan sering berlaku dari segi memberi imbalan pembangunan belia dalam pelaburan kepada pembangunan infrastruktur berbanding pembangunan individu (Samsudin, 2007). Di Malaysia, paradigma dunia pembangunan belia perlu dianjak untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pembangunan belia yang bersifat global. Penetapan resolusi tertentu berkait dengan polisi pembangunan belia perlu berasaskan kepada penyelidikan yang berimpak tinggi selain pelaksanaan yang sistematik. Namun, apakah status semasa tahap pembangunan belia di Malaysia jika diukur dari sudut keterlibatan belia, agihan program dalam kalangan kumpulan sasaran, kos efektif dan pulangan pelaburan? Berdasarkan senario semasa, jawapan kepada persoalan yang ditimbulkan nyata meletakkan kedudukan Malaysia masih jauh dari harapan pembangunan belia positif yang sebenar. Justeru satu kajian yang benar-benar komprehensif serta bersifat jangka panjang perlu dilakukan bagi mengenal pasti serta merangka pelan strategik untuk membentuk generasi belia yang mapan.

Transformasi pembangunan belia era semasa di Malaysia

Belia merupakan kelompok yang signifikan dalam sesebuah masyarakat. Perwatakan belia dalam masyarakat mampu mendatangkan kesan sinar atau suram kepada negara secara keseluruhan. Berdasarkan laporan terkini serta statistik semasa, sebahagian besar isu serta permasalahan sosial yang berlaku di Malaysia ternyata melibatkan golongan belia. Kemelut yang berlaku menyuramkan sinar pembangunan belia dan negara.

Apakah sebenarnya yang berlaku kepada generasi belia di Malaysia hari ini? Jika dilihat dari mata kasar, telah banyak kemudahan dan prasarana yang disediakan oleh kerajaan bagi menyediakan peluang kepada generasi belia membangunkan diri mereka. Jika dibuat perbandingan, antara persoalan yang ketara adalah mengapakah terdapat perbezaan yang cukup besar antara tokoh belia kontemporari dengan tokoh belia yang dilahirkan negara ketika Malaysia berada di era penjajahan? Dari segi kitaran ketamadunan, adakah generasi kini sudah berada di tahap generasi ketiga seperti yang disebut oleh tokoh ketamadunan Ibnu Khaldun iaitu generasi yang menghancurkan sesuatu tamadun? Jika benar, bagaimana ia berlaku serta siapakah 'perosak' yang telah membunuh potensi sebenar generasi belia hari ini? Jika tidak, di tahap manakah generasi belia kita pada masa ini serta apa yang perlu dilakukan?

Dalam konteks ini, usaha pembangunan belia di Malaysia pada era ini tidak boleh dijalankan secara 'tangkap muat' (Syed Aribi et al., 2007) mengikut selera dan minat individu atau kelompok tertentu. Pendekatan lapuk walaupun telah berjaya melahirkan tokoh belia suatu masa dahulu perlu dinilai semula. Ini kerana pembangunan belia begitu sensitif dengan perubahan orientasi dalam sesebuah masyarakat. Secara umumnya, masyarakat Malaysia di era ini telah banyak berubah. Kemudahan, keselesaan, prestij untuk diri dan keluarga adalah sesuatu yang menjadi keutamaan dalam masyarakat hari ini. Oleh yang demikian, mana-mana pihak yang mahu bergelar juara dalam isu belia perlu lebih sensitif serta proaktif dalam melaksanakan perancangan program pembangunan belia. Penglibatan semua pihak perlu digembleng secara holistik dan telus tanpa ada agenda tersembunyi di sebalik penglibatan tersebut.

Semua pihak harus melihat bahawa generasi belia di Malaysia hari ini adalah generasi yang sedang menerima 'nikmat' kemerdekaan yang diperjuangkan oleh generasi belia terdahulu. Meraih sesuatu nikmat atau anugerah tanpa liku-liku perjuangan meletakkan generasi belia hari ini berada di dalam 'zon yang selesa'. Mungkin tidak keterlaluan untuk dikatakan bahawa pembentukan personaliti generasi belia hari ini banyak dipengaruhi oleh idola yang dihasilkan industri hiburan tanah air mahupun Barat. Walaupun beribu-ribu ungkapan dalam kalangan generasi belia yang menjadikan ikon pejuang yang mulia seperti para nabi a.s., Sultan Mahmud Al-Fateh rahmatullahialaih, Sayidina Ali Abu Talib r.anhu serta lain-lain tokoh pejuang dalam masyarakat sebagai idola mereka, namun hakikat yang berlaku, perwatakan generasi belia hari ini seolah-olah menafikan ungkapan yang dilafazkan.

Relevansi MBM

Pembangunan belia positif merupakan pelaburan ke atas pembangunan setiap individu belia. Ia merangkumi satu bentuk kepimpinan diri sama ada dari sudut pemikiran, emosi dan fizikal melalui sumber dan pendekatan yang betul. Kualiti kepimpinan generasi belia seringkali mencuri tumpuan bual bicara yang meresahkan pelbagai pihak dalam masyarakat.

Di Malaysia, kewujudan Majlis Belia Malaysia (MBM) sebagai sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta badan induk yang menyelaras pertubuhan belia dan pelajar menggambarkan betapa seriusnya pendekatan yang diambil untuk membentuk kepimpinan belia yang berkualiti. Setakat ini, sejumlah 36 badan kebangsaan dan majlis belia negeri serta empat buah badan bersekutu bergabung dengan MBM.

Kewujudan MBM sebagai badan induk yang menyelaras pertubuhan belia yang bergabung di bawahnya merupakan satu 'rahmat' yang besar buat negara serta patut disyukuri oleh generasi belia di Malaysia. Penubuhan MBM selaras dengan usaha dan matlamat negara ke arah melahirkan generasi belia yang mampu berperanan secara proaktif sebagai rakan kongsi pembangunan. MBM beroperasi berdasarkan kepada tiga fungsi utama iaitu melaksanakan dasar dan program pembangunan belia; menyelaras dan menganjurkan aktiviti, bakti dan advokasi; dan berfungsi sebagai wadah perwakilan belia di pelbagai ruang lingkup dan peringkat (Azimi et al., 2002).

Di sebalik pengiktirafan MBM sebagai mewakili suara belia melalui misi operasinya, senario kelesuan yang membelenggu pertubuhan-pertubuhan belia di Malaysia turut mengheret persoalan kontroversi berhubung relevansi MBM dalam soal ini. Samsudin (2007) menyatakan daripada lebih kurang 6,000 pertubuhan belia yang berdaftar di Malaysia, hanya lebih kurang 3,000 sahaja yang aktif. Statistik menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai sejumlah 2,445 buah persatuan belia yang aktif, 278 buah persatuan belia yang baru ditubuhkan dan sejumlah 1,532 buah persatuan yang dibatalkan dan 392 buah persatuan belia yang memohon untuk ditubuhkan telah ditolak sehingga ke tahun 2006 (Syed Aribi et al., 2007).

Dalam senario yang berkaitan, Azimi dan Turiman (1997) menyifatkan pertubuhan-pertubuhan belia di Malaysia kebanyakannya berada pada tahap kematangan bayi, sedikit di tahap belia dan segelintir mencapai tahap kematangan dewasa. Senario di Malaysia turut menunjukkan tidak lebih dari 10 peratus golongan belia menjadi ahli pertubuhan belia, sekaligus menyaksikan keupayaan jangkauan pertubuhan belia sedia ada terhadap 11.1 juta belia di Malaysia adalah terhad (Samsudin, 2007). Ini secara tidak langsung merupakan terjemahan kepada pencapaian MBM sebagai badan yang menyelaras persatuan-persatuan yang ada. Pelbagai alasan boleh diberikan namun sebagai persatuan induk yang diharapkan dapat membimbing persatuan belia yang lain MBM dilihat sebagai gagal melaksanakan amanah yang diberikan. Walau bagaimanapun sama ada MBM benar-benar gagal ataupun tidak satu kajian yang lebih menyeluruh harus dilakukan untuk mendapatkan gambaran sebenar suasana dan prestasi persatuan belia di Negara ini pada masa kini.

Senario kepimpinan dan pengurusan pertubuhan belia masa kini tidak banyak berubah berbanding yang berlaku dalam tahun-tahun 70-an dahulu (Azimi & Turiman, 1996). Pemerhatian ke atas pertubuhan-pertubuhan belia masa kini menunjukkan beberapa kelemahan masih berlaku. Antaranya penyertaan anggota dalam aktiviti pertubuhan masih tidak menyeluruh, pertubuhan belia hanya menjalankan aktiviti secara *ad-hoc* dan bukan berdasarkan kehendak ahli, tidak meletakkan agenda kemasyarakatan sebagai keutamaan dan hanya sebilangan kecil pertubuhan mempunyai program yang khusus untuk membentuk pemimpin pelapis (Azimi & Turiman, 1996). Hal ini sungguh mengecewakan. Faktor kebolehcapaian dan ketersampaian kepada maklumat bukan lagi alasan untuk pertubuhan belia tidak dapat bergiat aktif dalam membantu membangunkan negara. Kekangan komunikasi mungkin wujud pada tahun 70-an. Kini, kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah alat yang sangat berpotensi untuk dimanfaatkan secara berkesan dalam pelbagai aktiviti pembangunan belia. Namun, sehingga kini aplikasi positifnya dalam pembangunan pertubuhan belia masih sangat terbatas, khususnya dalam kalangan pemimpin belia di peringkat nasional ke arah membendung isu kelesuan yang membelenggu pengurusan pertubuhan-pertubuhan belia di Malaysia.

Azimi dan Turiman (1996) menyatakan kebanyakan pertubuhan belia mempunyai pemimpin dan ahli yang berkecimpung atas maksud kepentingan peribadi atau keuntungan peribadi seperti untuk mendapat peluang dalam program lawatan, menghadiri seminar atau peluang mendapatkan status. Keadaan ini menurut Azimi dan Turiman (1996) tidak ubah seperti bayi yang menangis untuk mendapatkan susu, ditukarkan lampin, untuk dibuai atau untuk diberi ubat. Senario yang berlaku seolah-olah menampakkan pemimpin belia masih gagal menghayati amanah yang dipikulkan ke arah bahu-bahu mereka. Amanah merupakan suatu tanggungjawab yang perlu dipenuhi. Kegagalan dalam menghayati amanah bermakna kegagalan dalam menunaikan tanggungjawab serta cenderung kepada pengkhianatan. Ini kerana lawan kepada amanah adalah khianat.

Persoalan yang relevan boleh ditimbulkan di sini ialah, apakah peranan MBM sebagai sebuah badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan dalam menyelaras semua pertubuhan belia yang bergabung di bawahnya? Apakah usaha yang dilakukan MBM berhasil dalam mendekati pertubuhan-pertubuhan belia yang lesu supaya menjadi ahli gabungan? Bukankah objektif MBM ditubuhkan (Peruntukan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007; Seksyen 49(1) adalah bagi menggalak dan mendorong pertubuhan belia supaya memainkan peranan yang positif dan berkesan kepada masyarakat dan negara; merangsang dan mewujudkan perhubungan, kerjasama, persefahaman dan persahabatan antara pertubuhan belia dengan belia yang seimbang dalam pelbagai bidang; dan memupuk sikap tanggungjawab, patriotisme dan kesukarelawanan dalam kalangan pertubuhan belia?

MBM berhasrat menjadi '*Bottom Billion*' iaitu Jurubicara Rakyat dalam apa saja perkara berkaitan dengan belia baik di peringkat akar umbi, nasional mahupun antarabangsa (MBM, 2010). Namun, apakah pandangan ikhlas MBM terhadap anjakan paradigma pertubuhan belia di Malaysia? Apakah idealisme perjuangan MBM masih gagal memberi kesan kepada majoriti belia untuk menganggotai persatuan? Jadi, mengambil kira senario semasa yang membelenggu pembangunan belia di Malaysia, apakah pandangan yang mengiktiraf MBM sebagai mewakili suara belia di Malaysia adalah sesuatu yang paradoks? Sungguhpun tidak dinafikan, MBM telah melahirkan banyak pemimpin yang boleh dianggap berjaya di Malaysia, namun jika diukur dari perspektif pembangunan belia secara holistik, ia belum setimpal dengan isu dan kemelut sosial lain yang sedang melanda generasi belia di Malaysia.

Status MBM: Penilaian dari kaca mata belia

Pembangunan belia positif adalah terjemahan dari orientasi dalam kehidupan sesebuah masyarakat. Walaupun ada pihak yang menggelar diri mereka sebagai juara pembangunan belia, namun hakikatnya pembangunan belia itu sendiri tidak berhajat kepada kuasa monopoli. Persoalan, apakah generasi belia yang ingin serta telah dilahirkan negara sebenarnya turut mengheret sama persoalan apakah penekanan yang sangat dititikberatkan dalam masyarakat hari ini? Nyata sekali, harapan serta penekanan yang dititikberatkan dalam masyarakat memberi kesan kepada aspek potensi belia semasa. Misalnya, apakah penekanan kepada ukuran pencapaian akademik semata-mata dengan mengabaikan aspek penting lain seperti kecemerlangan sahsiah serta kepimpinan mampu menyerlahkan potensi belia yang diharapkan negara? Apakah ertinya jika negara mempunyai ramai kumpulan belia yang memiliki pencapaian akademik yang baik tetapi pada masa yang sama mempunyai pemikiran dan perlakuan yang rosak lagi merosakkan?

Oleh sebab orientasi kehidupan dalam masyarakat melahirkan perwatakan generasi belia, maka peranan masyarakat sepatutnya diperkasakan. Walaupun tidak dinafikan, kewujudan pelantar pembangunan belia seperti MBM amat membantu sebagai badan koordinasi yang menyelaras pertubuhan belia namun persoalan yang paling utama ialah apakah kumpulan belia di Malaysia sangat memerlukan MBM? Nilai-nilai yang ditekankan dalam masyarakat hari ini mendesak belia melakukan sesuatu yang lebih penting bagi memenuhi tuntutan-tuntutan kehidupan semasa. Tidak dapat tidak, keinginan, hajat serta keperluan belia wajar diperhalusi. Walaupun wang bukan segala-galanya, namun bagi kumpulan belia segala-galanya hari ini memerlukan wang. Pendedahan Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia

(FOMCA) seramai 41 belia Malaysia berumur lingkungan 21 hingga 40 tahun muflis setiap hari (Utusan Malaysia, 2011) merupakan satu perkara yang serius dan wajar didekati.

Dalam konteks yang berlainan pula, statistik yang menunjukkan ramai pengundi Melayu khususnya orang muda tidak berdaftar sebagai pengundi (Utusan Malaysia, 2011) menjelmakan satu 'igauan negeri' kepada MBM sebagai badan belia yang berpengaruh serta diiktiraf sebagai mewakili kumpulan belia di Malaysia. Nisbah 1:40 pengundi Melayu berbanding dengan pengundi bukan Melayu begitu memeranjatkan (Utusan Malaysia, 2011) seolah-olah belia Melayu tidak kisah jika sekiranya negara kehilangan kuasa dalam kalangan orang Melayu.

Kajian oleh Makmal Pemuda Barisan Nasional merumuskan kebanyakan golongan pengundi muda mengambil pendirian non-partisan (tidak memihak) berhubung politik negara (Utusan Malaysia, 2011). Persoalan sinis yang berkaitan ialah bagaimana MBM menginterpretasi persepsi belia di Malaysia terhadap kewujudan mereka jika diukur dari sudut pengabaian tanggungjawab belia mendaftar sebagai pengundi? Jika soal tanggungjawab menentukan kepimpinan negara pada masa akan datang sendiri telah diperlekehkan belia, maka apakah bayangan persepsi kumpulan belia di Malaysia yang boleh diandaikan terhadap kepimpinan serta kerelevanan MBM sebagai mengangkat martabat belia? Apakah boleh kita katakan belia sangat mengambil perhatian terhadap jatuh bangun MBM dan kepimpinannya dalam menentukan hala tuju pembangunan belia di Malaysia pada masa akan datang?

Kajian Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia mendapati 65 peratus program yang dianjurkan oleh persatuan belia adalah tidak menarik (Utusan Malaysia, 2011). Ini memberi mesej bahawa suatu anjakan perlu dilakukan. Falsafah, polisi dan program MBM wajar disemak semula suapay relevan dengan keperluan belia semasa. Bukan sekadar memenuhi matlamat yang dirancang dari sudut yang sempit, misalnya melatih pemimpin yang mendokong cita-cita pemerintah semasa.

Penilaian kerelevanan MBM dari kaca mata belia di Malaysia secara lebih komprehensif wajar dilakukan. Beberapa persoalan pokok perlu diketengahkan. Walaupun matlamat penubuhan MBM diperhatikan begitu murni, namun apakah belia di Malaysia sangat bergantung harap terhadap kewujudan MBM? Menurut Asnarulkhadi (2009) MBM diperhatikan lebih terikat dengan perancangan bersifat atas-bawah (*top-down*), yang mana sudah menjadi kelaziman dalam perancangan yang bersifat seperti ini matlamat dan cara untuk mencapai sesuatu keputusan banyak ditentukan oleh pihak pemerintah. Menurutnya lagi, kepentingan belia yang mengambil bentuk sebagai keperluan (*felt needs*) dari kaca mata belia sendiri, boleh menjadi perkara 'residual' dalam perbincangan besar pembentukan dasar. Justeru, kajian isu *quo vadis* MBM bagi mengeneipkan atau mengesahkan hujah pesimis yang melihat MBM tidak lebih dari penyediaan gelanggang pendakian pemimpin politik yang bakal ditonjolkan pada masa hadapan sangat dicadangkan pada masa hadapan.

Kesimpulan

Perspektif pembangunan belia tidak harus dilihat dalam konteks yang sempit. Apakah personaliti seseorang belia perlu menjadi terkenal terlebih dahulu supaya kejayaannya tadi diraikan atas slogan pembangunan belia? Jawapannya sudah pasti tidak. Justeru, walaupun tafsiran perspektif pembangunan belia kadangkala menjadi begitu subjektif akibat sarat dengan coretan tersurat dan tersirat, namun secara kolektif ia masih boleh diukur berdasarkan kajian ke atas senario kepincangan yang berlaku. Syaratnya, publisiti kandungan pembangunan belia perlu dibuat secara seimbang supaya penilaian yang adil dapat diputuskan mengenainya. Berdasarkan hujah betapa sulitnya untuk membuktikan pelaburan setiap individu dalam konteks pembangunan belia positif, maka siri pembangunan belia adalah luas sifatnya. Dalam konteks kepimpinan belia seperti MBM, sensitif dengan naluri, kehendak dan keperluan belia adalah sangat perlu diberi penekanan. Jadi, MBM perlu membuktikan sesuatu agar kewujudannya terus relevan dengan tuntutan semasa pembangunan belia secara total. Organisasi yang efektif adalah organisasi yang berjaya menyesuaikan operasinya dengan keadaan semasa. Justeru, kertas ini sekali lagi menimbulkan persoalan penting mengenai kerelevanan MBM sebagai pemangkin pembangunan belia di Malaysia pada masa kini dan akan datang.

Rujukan

- Asnarulkhadi AS (2009) Kelompangan Dasar Belia Negara - Menyangga potensi belia menerusi pendekatan transformasi konflik. *Malaysian Journal of Youth Studies* 1, 1-22.
- Azimi H (2005) Helping Malaysian youth move forward: Unleashing the prime enablers. Syarahan Inaugural, 29 April 2005.
- Azimi H, Turiman S (1996) Isu dan cabaran dalam pembangunan belia. Kertas Kerja Persidangan Majlis Perundangan Belia Negeri Sembilan, 22 Julai 1996.
- Azimi H, Turiman S (1997) Budaya cemerlang dalam Persatuan Belia. Kertas Kerja Seminar Pembangunan NGO Kuala Lumpur, 24 Ogos 1997.
- Azimi H, Turiman S, Ezhar T (2002) Persatuan Belia di Malaysia: Perkembangan dan penyerlahan potensi. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Delgado M (2002) New frontiers for youth development in The Twenty-First Century: Revitalizing and broadening youth development. Columbia University Press.
- Jalaluddin AM (2009) Pasca bandar pintar dan pembangunan belia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 1, 43-68.
- Majlis Belia Malaysia (2010) Hala Tuju Majlis Belia Malaysia 2010-2012. Kertas Kerja dibentangkan pada Majlis Perundangan Belia Negara. Marriot Hotel, Putrajaya, 23 Ogos 2010.
- Samsudin AR (2007) Pengurusan pembangunan belia ke arah pembentukan generasi 2057. Kertas Kerja Konvensyen Pembangunan Belia: Meneroka Generasi 2057. Putrajaya, 2-4 September 2007.
- Syed Aribi A, Mohd Sahari N, Nik Ahmad H (2007) Belia tidak berpersatuan: Laporan Kajian Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (Tidak diterbitkan).
- Utusan Malaysia. Galak Belia Mendaftar. 16 Februari 2011.
- Utusan Malaysia. 62% Pengundi Muda 'Atas Pagar'. 25 Julai 2011.
- Utusan Malaysia. 41 Belia Muflis setiap Hari Gagal Urus Kewangan. 12 Oktober 2011.
- Utusan Malaysia. Tiga Saranan untuk Belia Tingkatkan Integriti. 10 November 2011.